

CEPA Malaysia-UAE perlu babit PMKS perkasa ekonomi Islam

• Dalam konteks pelaburan dan perdagangan bagi CEPA Malaysia-UAE, fokus perlu diberikan kepada pembangunan industri halal dan pemain perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan

• Pembangunan sukuk perlu dipergiatkan lagi, terutama Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab serta Sukuk Wakaf, juga sektor penting seperti infrastruktur serta tenaga



Oleh Prof. Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Baru sahaja selesai pemeteraian perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terus mengadakan lawatan kerja di empat negara iaitu Emiriah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom (UK), Belgium dan Switzerland.

Semasa lawatan tiga hari di UAE, selain menghadiri persidangan Minggu Kelestarian Abu Dhabi (ADSW) 2025, Anwar menyaksikan pemeteraian Perjanjian Perkongsian Komprehensif Malaysia-UAE (CEPA

Malaysia-UAE) bersama Presiden UAE dan Pementah Abu Dhabi, Sheikh Mohamed bin Zayed Al-Nahyan.

Semua ini adalah permulaan baik bagi 2025 untuk merangsang momentum dan mempercepatkan lagi pelaksanaan visi ekonomi MADANI diperkenalkan pada 27 Julai 2023.

Bagi mencapai kadar pertumbuhan 6 peratus setahun secara purata dan usaha menjadi gergasi Asia, Malaysia perlu mencari sumber pertumbuhan ekonomi baharu serta mengenal pasti hala tuju pertumbuhan ekonomi lebih mampan, inklusif, manusiawi serta kompas moral tinggi.

Dengan erti kata mudah, di sinilah kepentingan CEPA Malaysia-UAE, terutama dalam pembangunan ekonomi Islam.

Pada masa sama, tidak dinafikan Malaysia juga perlu menerokai sektor dan industri terkini seperti kecerdasan buatan (AI), semikonduktor serta pusat data.

Bagaimanapun, kita perlu menggunakan kekuatan sedia ada untuk mendepani cabaran ekonomi global yang semakin tidak menentu, terutama akibat dasar Trump 2.0. Oleh itu, tidak dapat dinafikan Malaysia adalah pemimpin global dalam ekonomi Islam.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia juga akan menekankan aspek ekonomi Islam dalam usaha mencapai model pembangunan ekonomi lebih Islamik, sejajar konsep MADANI berteraskan maqasid syariah.

Oleh itu, penulis percaya JS-SEZ juga akan menyentuh aspek pelaburan dan perdagangan berkaitan ekonomi Islam atau secara khusus mengenai kewangan Islam, apatah lagi dengan CEPA Malaysia-UAE ini.

Dalam konteks ekonomi Islam, CEPA Malaysia-UAE sangat signifikan kerana untuk mengembangkan dan memperkukuhkan lagi pasaran kewangan Islam, Malaysia perlu mencari negara yang juga mempunyai kekuatan dalam ekonomi Islam.

Kita perlu faham CEPA Malaysia-UAE adalah perjanjian perdagangan bebas (FTA) pertama Malaysia dengan anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC),

membabitkan enam negara iaitu Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan UAE.

Ini hanya permulaan kepada pelbagai lagi FTA yang dijangka akan dimeterai secara bilateral dengan beberapa lagi negara GCC seperti Bahrain, tetapi juga FTA bersama dengan GCC itu sendiri.

Sejarah juga tercipta apabila ASEAN dipengerusi Malaysia turut membabitkan negara GCC dalam persidangan 10 negara ASEAN, sekali gus mempercepatkan lagi prospek FTA antara ASEAN serta GCC dan juga Perjanjian Perkongsian Komprehensif antara ASEAN serta negara GCC itu sendiri.

Kita juga mengetahui UAE terbabit dengan BRICS, manakala semua negara ASEAN turut terlibat dengan perjanjian perdagangan bebas multilateral lain seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan beberapa anggota ASEAN ter-

“Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia juga akan menekankan aspek ekonomi Islam dalam usaha mencapai model pembangunan ekonomi lebih Islamik, sejajar konsep MADANI”



kait dengan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Polusi industri halal: PMKS

Dalam konteks pelaburan dan perdagangan bagi CEPA Malaysia-UAE, fokus perlu diberikan kepada pembangunan industri halal dan pemain perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan.

Dalam aspek pelaburan pula, pembangunan sukuk perlu dipergiatkan lagi, terutama Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) serta Sukuk Wakaf, juga sektor penting seperti infrastruktur serta tenaga.

Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz menegaskan CEPA Malaysia-UAE dijangka meningkatkan dagangan 60 peratus dalam masa 5 tahun.

Pada 2024, antara Januari sehingga November, jumlah dagangan antara Malaysia dengan UAE direkodkan sekitar RM39 bilion dengan UAE rakan dagang kedua terbesar Malaysia di Asia Barat.

Ketika ini, bagi mengoptimumkan manfaat ekonomi CEPA Malaysia-UAE, kajian lebih mendalam perlu dilakukan bukan sahaja dari segi menganalisis corak perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara, bahkan apakah faktor utama dapat meningkatkan perdagangan dan pelaburan Malaysia-UAE.

Kajian lebih sistematik juga perlu untuk menilai hubungan antara instrumen sukuk dengan pertumbuhan ekonomi dalam konteks Malaysia-UAE, begitu juga industri halal serta sektor perkhidmatan Islam seperti fesyen sopan, pelancongan, kosmetik dan farmaseutikal serta pendidikan.

Satu perkara penting perlu dikaji juga adalah bagaimana hubungan antara syarikat patuh syariah dengan yang tidak patuh syariah berkenaan dengan keuntungan perniagaan mereka.

Akhirnya, kajian ini akan dapat menjawab persoalan seperti apakah dasar dan strategi terbaik untuk mencapai matlamat ekonomi MADANI dari segi pertumbuhan ekonomi, perdagangan serta pelaburan antara Malaysia-UAE.

Kajian ini jika dilakukan, juga mempunyai kesinambungan dan kaitan dengan kajian seterusnya, iaitu dalam melihat dalam konteks FTA Malaysia-GCC, FTA ASEAN-GCC, FTA Malaysia-Bahrain, Malaysia-BRICS, Malaysia-RCEP serta Malaysia-CPTPP dari sudut merealisasikan visi ekonomi MADANI melalui pemerkasaan ekonomi Islam.

Dari segi pengurusan ekonomi, Malaysia sudah bermula dengan langkah tepat dalam membuka tirai 2025. Diharapkan momentum ini dapat diteruskan bukan sahaja sehingga hujung tahun, bahkan di sepanjang fasa pelaksanaan kerangka ataupun visi ekonomi MADANI.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH